

16 APR 1997

Mahathir-Melayu

MAHATHIR TIDAK MAHU MELAYU DABIK DADA

Kuala Lumpur, 16 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan orang Melayu dan golongan Bumiputera supaya tidak mendabik dada dengan kejayaan yang dicapai dalam bidang ekonomi selama ini.

Katanya masih banyak yang perlu dibuat kerana negara sedang memasuki era teknologi maklumat.

"Kita ada potensi dan kebolehan untuk mencapai kejayaan seperti orang lain jika sanggup bekerja keras," katanya ketika merasmikan Ekspo Pencapaian Ekonomi Bumiputera di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Ekspo anjuran Pergerakan Wanita Umno itu diadakan sempena Perayaan Ulang Tahun ke-50 Umno.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata kerajaan mula menyedari pentingnya usaha menseimbangkan pembangunan ekonomi antara kaum di negara ini berikutan kejadian rusuhan kaum pada 1969.

"Walaupun kita sedih dengan peristiwa itu yang menyebabkan banyak kematian dan kecederaan, hakikatnya ia menyedarkan kita dan menyebabkan kita berusaha memajukan Bumiputera," katanya.

Sambil mengimbas kembali sejarah pembangunan negara dan Bumiputera sebelum dan selepas Merdeka, Dr Mahathir berkata masyarakat pada masa itu menganggap menuntut kemerdekaan daripada penjajah hanyalah untuk mendapatkan hak memerintah dan bukannya untuk memajukan orang Melayu dan negara.

Katanya kesedaran untuk memajukan bangsa hanya timbul selepas Merdeka apabila pemimpin Umno ketika itu menyedari bahawa kemerdekaan tidak mempunyai makna sekiranya orang Melayu tidak setanding atau maju seperti bangsa lain di dunia.

Orang Melayu pada masa itu tidak menaruh banyak harapan untuk berjaya dan berharap hanya dengan kuasa politik, mereka akan mendapat keutamaan tertentu, katanya.

"Tidak banyak usaha dibuat untuk memajukan orang Melayu dalam bidang ekonomi, walaupun ada kemajuan dalam bidang pendidikan," kata Dr Mahathir.

Menurut Perdana Menteri, kejayaan Malaysia membangunkan ekonomi orang Melayu dan Bumiputera setanding dengan kaum lain di negara ini menyebabkannya menjadi contoh kepada negara membangun lain untuk mengatasi masalah pembangunan kaum yang tidak seimbang.

"Mereka ingin melihat bagaimana rumpun yang ketinggalan dapat membangun dan bagaimana orang Melayu dapat duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan kaum-kaum lain," katanya.

Kebanyakan usaha untuk menseimbangkan masyarakat gagal seperti yang cuba dilaksanakan melalui ideologi komunisme dan sosialisme, katanya.

"Begitu juga dengan konsep 'affirmative action' yang diamalkan di negara barat untuk menyamakan kedudukan kaum kulit hitam dan kulit putih. Kaum kulit hitam ternyata masih miskin di negara terbabit," katanya.

Dr Mahathir turut menyerahkan 11 plak penghargaan kepada badan korporat tempatan yang menyertai ekspo itu. Terdahulu, beliau memeriksa kawalan kehormatan oleh 500 anggota Briged Wanita Umno.

Ekspo itu membolehkan pelabur, usahawan dan anggota masyarakat mengikuti menerusi persembahan multimedia kemajuan ekonomi sejak 50 tahun lepas, meliputi sektor perladangan, perkapalan dan maritim, petroleum, lapangan terbang, penerbangan, lebuhraya, tenaga, pendidikan, telekomunikasi, kewangan, tanah dan hartanah serta automotif dan pengangkutan darat. -- BERNAMA

MAM RAZ MAI